




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

27 MAC 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 245 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 366,437 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Sandakan. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 851 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 346,281 orang. Manakala 415 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 357 orang di hospital, 57 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 36 orang merangkumi 31 di ICU/repurposed kritikal care serta lima (5) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 19 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan hari ini.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Merah 22 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah jangkitan di Sabah meneruskan trend penstabilan dengan 245 kes baharu hari ini, 24 kes lebih rendah daripada semalam.
- b. Hampir semua daerah di Sabah mencatatkan penurunan pada jumlah jangkitan harian termasuk sifar (0) kes di enam (6) daerah, iaitu Kalabakan, Tongod, Nabawan, Kunak, Telupid dan Semporna. Hanya lima (5) daerah mencatatkan pertambahan jumlah kes harian. Kecuali Kota Kinabalu (97 kes) yang mencatat pertambahan hampir tiga (3) kali ganda daripada 36 kes kelmarin, daerah-daerah lain hanya melaporkan jumlah pertambahan yang marginal.
- c. Sebanyak 15 daerah mencatatkan kes baharu satu (1) angka, enam (6) daerah dengan dua (2) angka dan enam (6) lagi daerah tidak mencatat sebarang kes jangkitan baharu dalam tempoh 24 jam yang lalu. Walau bagaimanapun risiko jangkitan secara sporadik kekal tinggi dan hari ini, 59.59% daripada semua kes baharu. Oleh itu walaupun jumlah jangkitan baharu di Sabah semakin terkawal tetapi amatlah disarankan agar rakyat terus mematuhi semua SOP yang berkuatkuasa.
- d. Seramai 242 orang atau 98.77% daripada 245 pesakit baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, seorang dalam Kategori 3 dan dua (2) orang pesakit dalam Kategori 4. Tidak ada kes baharu dalam Kategori 5 hari ini.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	61	24.90%
3	Bergejala	146	59.59%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	38	15.51%
JUMLAH		245	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (26 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 26/03/2022	Catatan Kes 27/03/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	36	97	+61
2	Tawau	8	16	+8
3	Beluran	3	6	+3
4	Kudat	6	7	+1
5	Tenom	4	5	+1
6	Semporna	0	0	Mendatar
7	Tongod	0	0	Mendatar
8	Sipitang	3	3	Mendatar
3	Telupid	0	0	Mendatar
10	Penampang	36	13	-23
11	Beaufort	17	2	-15
12	Putatan	19	9	-10
13	Tuaran	26	17	-9
14	Kota Marudu	15	6	-9
15	Keningau	13	6	-7
16	Sandakan	17	12	-5
17	Kota Belud	5	2	-3
18	Ranau	8	6	-2
19	Tambunan	4	2	-2
20	Lahad Datu	3	1	-2
21	Kuala Penyu	9	7	-2
22	Kinabatangan	6	4	-2
23	Pitas	5	3	-2
24	Papar	23	21	-2
25	Kalabakan	1	0	-1
26	Kunak	1	0	-1
27	Nabawan	1	0	-1
JUMLAH		269	245	-24

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	20	64	0	13	97	1717
Papar	0	8	9	0	4	21	516
Tuaran	0	6	9	0	2	17	544
Tawau	0	0	12	0	4	16	203
Penampang	0	5	7	0	1	13	637
Sandakan	0	6	6	0	0	12	250
Putatan	0	2	5	0	2	9	255
Kuala Penyu	0	0	3	0	4	7	158
Kudat	0	0	7	0	0	7	108
Keningau	0	2	2	0	2	6	232
Kota Marudu	0	4	2	0	0	6	205
Ranau	0	2	2	0	2	6	133
Beluran	0	4	2	0	0	6	79
Tenom	0	0	5	0	0	5	153
Kinabatangan	0	0	3	0	1	4	76
Pitas	0	1	1	0	1	3	89
Sipitang	0	0	3	0	0	3	144
Kota Belud	0	1	0	0	1	2	184
Beaufort	0	0	1	0	1	2	358
Tambunan	0	0	2	0	0	2	138
Lahad Datu	0	0	1	0	0	1	86
Telupid	0	0	0	0	0	0	47
Tongod	0	0	0	0	0	0	30
Kunak	0	0	0	0	0	0	22
Nabawan	0	0	0	0	0	0	24
Semporna	0	0	0	0	0	0	4
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	25
JUMLAH	0	61	146	0	38	245	6417

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,127 unit.

- Hospital 1,364 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,523 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 13.27%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 27 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	239
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	6
Jumlah	245

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	235
Bukan Malaysia	10
Jumlah	245

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	15
Belum Menerima Vaksin (5-11)	25
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	5
Menerima 1 Dos	9
Lengkap 2 Dos	91
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	100
Jumlah	245

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	3
1-4	12
5 -11	33
12-17	15
18-29	47
30-39	69
40-49	24
50-59	22
60-69	15
70-79	3
80-89	2
>90	0
Jumlah	245

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 26 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 4,298 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,074 orang adalah penduduk dewasa, 115 orang adalah penduduk remaja dan 1,109 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 26 Mac 2022 adalah seramai 2,558,467 orang. Ini meliputi 2,132,248 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.49% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,406,500 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,089,836 orang atau 76.93% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,383 orang atau 77.99% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 316,661 atau 74.30% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 93,836 atau 22.81% orang telah menerima 1 dos vaksin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **684,712** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 170 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 52 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1093 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 539 premis perniagaan dan 1138 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan 89 di Premis Perniagaan melibatkan 27 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 125 anggota.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 6 Sejumlah 80 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 132 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98.9%
2	Beluran	98.8%
3	Kinabatangan	98.8%
4	Sipitang	98.7%
5	Kunak	98.7%
6	Kota Belud	98.7%
7	Ranau	98.6%
8	Tenom	98.6%
9	Kota Marudu	98.6%
10	Kota Kinabalu	98.5%
11	Kudat	98.5%
12	Sandakan	98.5%
13	Keningau	98.5%
14	Beaufort	98.4%
15	Tawau	98.4%
16	Lahad Datu	98.4%
17	Tuaran	98.4%
18	Penampang	98.3%
19	Papar	98.3%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II